

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9366

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada laporan polis pernah dibuat terhadap Richard Huckle sebelum dia balik ke UK dan ditangkap oleh polis UK.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada semakan yang telah dibuat, didapati tiada sebarang laporan polis yang diterima berkaitan kes cabul oleh Richard Huckle sepanjang tempoh beliau berada di Malaysia. Kegiatan beliau hanya diketahui umum setelah beliau ditangkap oleh Polis United Kingdom berkaitan pencabulan terhadap kanak-kanak di Malaysia.